

perkembangan agama sebagai agama rasmi, lebih-lebih mendukacitakan kerana langsung tidak ada nampaknya mereka mengadakan atau sekurang-kurangnya menghargakan atau menggalakkan supaya buku-buku sejarah agama untuk dijadikan bacaan di sekolah-sekolah umum supaya mereka tahu akan perjalanan agamanya.

Kita tidak mau menuduh, adakah rancangan kerajaan Persekutuan sekarang sebagai lanjutan daripada dasar pelajaran penjajah untuk menghapuskan sedikit demi sedikit akan ajaran agama tetapi kita hanya berasa bahawa seolah-olah perkara ajaran agama itu sekarang dipandang sepi di dalam dasar-dasar pelajaran dan di dalam pengajian-pengajian sebab kita lihat di dalam pengajian-pengajian sekarang yang lebih diutamakan adalah persoalan sastera dan sejarah-sejarah lain sama ada sejarah agama atau pun pahlawan-pahlawannya, sedang yang mengenai Islam, yang sepatutnya diutamakan itu hanya **sepalit** daripadanya.

Kita tidak menafikan adanya rancangan mewajibkan mempelajari pelajaran-pelajaran agama di sekolah-sekolah, tetapi masa khas untuk itu tidak memuaskan. Guru-guru yang bakal mengajarnya mustahak mendapat latihan dahulu dan di dalam sementara mencapai yang demikian perhatian kepadanya tidak langsung diadakan.

Dengan cara yang ada seperti ini, terutamanya di dalam adanya perkembangan siasah di antara PAS dengan Perikatan, kita takut, di dalam tujuan-tujuan menyempurnakan agama rasmi di Persekutuan itu kelak terjadilah ajaran agama Islam itu diasaskan atau didasarkan kepada tujuan-tujuan siasah untuk merebut kekuasaan dan pengaruh sedang agama Islam menjadi korban.

Kerana itu kita berharap kepada tiap-tiap pemeluk agama Islam yang menjadi wakil rakyat sama ada di mana jua ia berada supaya memperjuangkan cita-cita Islam yang murni iaitu memperjuangkan cita-cita merapatkan *ukhuwwāh Islāmiyyah*. Mendirikan tauhid dan berjihad pada meninggikan agamanya.

Kita suka memperingatkan bahawasanya tiap-tiap orang yang mengucap dua kalimah syahadah kelak akan ditanya di dalam soal



*Menteri Muda Pelajaran, Persekutuan Tanah Melayu,  
Kaptan Abdul Hamid Khan bin Haji Sakhawat Ali Khan.*

tanggungjawab atas agamanya kelak.

### **Buku Sejarah Islam**

Terlanjur kita telah mendatangkan persoalan terhadap kepada ajaran-ajaran yang ada sekarang, yang nampaknya tidak berapa mengendahkan mempelajari ajaran-ajaran sejarah Islam bahkan hampir-hampir tidak ada galakan langsung itu, maka kita takut usaha-usaha penerbitan-penerbitan Melayu untuk mengadakan buku-buku sejarah yang mengenai Islam akan memberhentikan usahanya sebab tiap-tiap sesuatu usaha itu kalau tidak disambut sekurangnya oleh masyarakat atau pun oleh kerajaan sendiri.

Dengan kurangnya pengetahuan mempelajari sejarah agamanya

dan perjuangan mujahid-mujahid Islam maka kita percaya janganlah diharap kelak agama Islam akan dapat ditegakkan di negeri ini. Kita kluatir tidak ada lagi kelak usaha-usaha yang mau lagi menumpukan perhatiannya untuk menerbitkan buku-buku pelajaran agama yang bakal menumbuhkan jiwa yang hidup di dalam tiap-tiap penganutnya. Hal ini harus terjadi sebab usaha-usaha masa sekarang hanya yang banyaknya ditumpukan kepada usaha-usaha yang lain yang mengenalkan pahlawan-pahlawan lain seperti Joan de Arc dan seumpamanya dan di dalam perkara-perkara yang semata-mata membawa kepada kehindu-kehinduan.

Kekluatiran kita ini, kita berharap kiranya dapat diperhatikan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, yang mengambil peranan yang penting di dalam perkembangan perpustakaan masa yang akan datang supaya memperhatikan sedikit kepada bacaan-bacaan sejarah agama Islam dan kepada kitab-kitab falsafah Islam. Kita percaya, sekiranya Dewan Bahasa mengambil perhatian ini menggalakkan usaha-usaha kepada perkembangan agama, maka agama Islam tidak akan layu di negeri ini dan riwayatnya kelak akan ditulis dengan dakwat emas dalam sejarah perkembangan Islam di negeri ini.

### **Pas dan Masa Yang Akan Datang**

Melihat kepada zahirnya pemerintahan PAS di Kelantan dan di Terengganu, yang memerintah sekarang dan memerhatikan pula sambutan-sambutan orang Islam sendiri di sana terhadap kepada pelaksanaan pemerintahan itu maka kita berasa kluatir bahawa jika pemimpin-pemimpin PAS tidak berusaha dan bekerja keras dan mengikat persatuan di antara mereka sesama mereka nescaya dalam masa yang akan datang kepercayaan orang kepada perjuangan PAS yang suci itu akan kurang dan tidak mendapat kepercayaan. Ini bertambah-tambah lagi apabila pihak-pihak yang lain sekarang membidas PAS.

Hilangnya kepercayaan rakyat kepada PAS di dalam dua daerah itu adalah hasil daripada melihat bukti yang dapat dilihat mereka setelah mereka membanding kepada ucapan-ucapan calon

PAS dahulu di dalam merebut kedudukan. Ini bertambah pula apabila PAS mencalonkan orang-orang dari daerah lain ke daerah itu, kesan yang didapati ialah dengan tidak dapat melaksanakan apa yang dijanjikan maka rakyat yang belum sedar akan hakikatnya ajaran Islam itu telah memandang PAS sebagai suatu alat umpatan pemimpin-pemimpin untuk mencari kedudukan semata-mata.

Perkataan yang berterus-terang daripada Speaker PAS di mesyuarat PAS di Terengganu supaya pemimpin-pemimpin PAS menyedari akibat berbuat kekuasaan itu sangat tepat sebab jika tidak dari sekarang ditimbulkan kesedaran kepada pemimpin-pemimpin itu sendiri, bermakna PAS akan runtuh dan akibatnya pandangan orang kepada Islam akan semakin kecil bahkan dari sekarang telah timbul riak-riak mengejek-ngejek tentang apakah Islam itu boleh dijadikan dasar pemerintahan.

Jika benar telahan kita maka kita berharap pemimpin-pemimpin PAS khasnya dan umat Islam amnya bersedia menghadapi akibat yang akan terjadi daripada langkah-langkah PAS yang berjalan belum masak, sebagaimana kita pernah katakan dahulu. Umat Islam wajib menyiapkan barisan yang kedua untuk menghadapi segala sesuatu yang akan terjadi. Pemimpin-pemimpin PAS sendiri wajib, dengan tidak segan-segan menyokong segala gerak, jika ada untuk menyusun barisan yang kedua supaya apabila umat hilang kepercayaannya kepada perjuangan PAS, ia tidak akan hilang kepada perjuangan dan dan cita-cita Islam.

Sekurang-kurangnya pemimpin-pemimpin PAS mencari suatu golongan yang bekerja untuk menyiapkan barisan yang kedua, kerana perjuangan Islam tidak hanya terletak di tangan PAS sahaja tetapi ia wajib disempurnakan oleh umat Islam kerana bagi umat Islam yang sedar akan tanggungjawabnya berpendapat bahawa selagi matahari bersinar dan selagi dunia masih ada bahawa kewajipan berjihad menegakkan *kalimat Allāhi hiya al-'ulyā* tidak akan putus dan terus diperjuangkan walau sekalipun, kau terpaksa, mengorbankan darah dan jiwanya.